

U GB 19-04 00180 BD795

AAB

Mahathir - Bosnia

MALAYSIA TIDAK AKAN TARIK BALIK ASKAR DI BOSNIA

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Malaysia tidak akan menarik balik tenteranya yang sedang berkhidmat dengan Pasukan Perlindungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNPROFOR) di Bosnia-Herzegovina walaupun kerajaan khuatir dengan kedudukan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kerajaan tidak boleh menarik balik pasukan berkenaan kerana langkah itu akan menyamai langkah PBB yang kita kecam," kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas Majlis Penganugerahan Khidmat Cemerlang, Kementerian Dalam Negeri di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

"Kerajaan sedar akan bahaya kepada askar-askar kita, tetapi kita tidak boleh membiarkan orang Bosnia dibunuh dengan begitu sahaja oleh orang Serb," katanya ketika diminta mengulas perkembangan terbaru di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri berkata kerajaan khuatir tentang kedudukan pasukan tentera negara kerana mereka tidak dibekalkan dengan senjata yang cukup kerana kerajaan percaya tugas pasukan itu ialah untuk menjaga keamanan sahaja.

Jika pasukan tentera negara terperangkap, katanya, beliau khuatir askar PBB mungkin tidak akan menolong sebagaimana mereka tidak menolong orang Bosnia. -- Lagi.

▼19/04/13-08MST

U GB 19-04 00163 BD796

AAB

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Malaysia menempatkan 1,500 anggota pengaman di beberapa bandar di Bosnia-Herzegovina termasuk di Sarajevo. Sebahagian besar anggota itu dari Batalion ke-23 Rejimen Askar Melayu Diraja.

Dr Mahathir berkata walaupun begitu, kerajaan tidak menarik balik askar-askar itu kerana kerajaan tidak sahaja bercakap tentang keadilan tetapi juga melaksanakannya.

Tetapi katanya, orang yang banyak bercakap mengenai keadilan dan hak asasi manusia hanya memerhatikan sahaja orang lain dibunuh di depan mata mereka sendiri.

"Saya hilang kepercayaan sama sekali kepada mereka itu," kata beliau.

Perdana Menteri juga mengecam PBB dan Majlis Keselamatan kerana tidak berbuat apa-apa untuk menolong orang Islam di Gorazde.

Beliau berkata sebenarnya mereka tidak mempunyai minat untuk menolong dan sengaja membiarkan orang Serbia membunuh orang Bosnia dan mengambil alih bandar Gorazde.

"Bila askar Serbia mara, mereka tidak tahan, sebaliknya sekarang cuma menyelamatkan askar PBB dan meninggalkan orang Islam tanpa apa-apa pertolongan," kata beliau. -- Lagi.

▼19/04/13-19MST

U GB 19-04 00150 BD798

AAB

Mahathir - Bosnia 3 Kuala Lumpur

Dalam pada itu katanya, mereka sengaja tidak membenarkan bekalan senjata diberikan kepada pasukan pertahanan Bosnia, dan ini seolah-olah menyerahkan mereka bulat-bulat untuk dibunuh oleh orang Serbia.

"Kita tidak lagi boleh percaya bahawa kalau apa-apa terjadi kepada kita maka PBB akan menolong kita," kata beliau.

PBB bukanlah satu badan yang mempertahankan orang yang lemah sebaliknya ia adalah satu alat bagi kuasa-kuasa besar untuk menegakkan tekanan mereka dan melaksanakan dasar mereka, katanya.

Mengenai surat Presiden Bosnia-Herzegovina, Alija Izetbegovic yang meminta sokongan dan bantuan, Dr Mahathir berkata kemampuan kerajaan untuk memberi pertolongan adalah terhad.

"Kita sedia kalau PBB hendak menyerang pihak Serbia, kita akan turut bersama, kita harap kita diberi senjata yang cukup, tetapi mereka tidak ingin mempertahankan sama sekali orang Islam di Bosnia dan menyerahkan (mereka) kepada Serb semata-mata," kata beliau. -- Lagi.

▼19/04/13-32MST

U GB 19-04 00193 BD799

AAB

Mahathir - Bosnia 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, langkah yang paling baik ialah memberikan senjata kepada orang Islam Bosnia untuk mempertahankan diri mereka kerana di mana-mana sahaja di dunia ini hak sesuatu bangsa ialah untuk mempertahankan diri mereka, sekiranya orang lain tidak sanggup membantu.

Ketika ditanya mengenai penyertaan askar Malaysia untuk tugas di bawah PBB pada masa depan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya walaupun tidak lagi percaya kepada keikhlasan Majlis Keselamatan, PBB ataupun Setiausaha Agung PBB untuk memberi pertolongan kepada yang lemah.

Semasa ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula penyertaan negara dalam PBB, Perdana Menteri berkata belum ada lagi cadangan sedemikian pada masa ini.

Sebenarnya kerajaan berasa amat kecewa dengan PBB kerana ia hanya menekan yang lemah, katanya.

Mengenai langkah yang akan diambil seterusnya oleh Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Kita boleh desak, itu sahaja yang boleh kita buat.

Daripada segi penghantaran pasukan, kita telah buat dan juga beri pengakuan untuk mematuhi apa sahaja arahan yang diberi oleh PBB termasuk berperang jika perlu.

"Tetapi kita nampak penyertaan kita tidak berguna." -- Bernama.

MSZ AZ.